

HUBUNGAN ANTARA KERJA RUMAH DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM PELAJAR TINGKATAN EMPAT

Yeo Kee Jiar & Nurulain Binti Isa
Fakluti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Kerja rumah merupakan komponen penting dalam proses pengajaran pembelajaran. Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan tidak terdapat korelasi antara kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar, tetapi kerja rumah masih dianggap berfaedah dan berupaya meningkatkan mutu disiplin pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kerja rumah dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian akademik dalam tiga aspek: (1) peruntukan masa; (2) jenis kerja rumah (latihan dan persediaan), dan (3) cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan). Sampel kajian terdiri daripada 120 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah yang dipilih secara rawak. Instrumen kajian ialah borang soal selidik yang terdiri daripada Bahagian A tentang latar belakang responden dan Bahagian B pula terdiri daripada 30 soalan yang berbentuk skala Likert. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) version 15.0*. Nilai kebolehpercayaan kajian ini ialah $\alpha = 0.92$. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah dengan pencapaian akademik dalam tiga aspek: (1) peruntukan masa dalam kerja rumah Bahasa Inggeris dan Matematik; (2) cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Sejarah diberikan), dan (3) jenis kerja rumah (latihan) dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kajian turut menunjukkan tidak terdapat korelasi yang signifikan dengan pencapaian akademik dalam lima aspek: (1) peruntukan masa menyiapkan kerja rumah Sejarah; (2) jenis kerja rumah (latihan) dalam mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Inggeris; (3) jenis kerja rumah (persediaan) dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris; (4) cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Matematik dan Bahasa Inggeris diberikan); dan (5) cara pengelolaan guru (selepas kerja rumah diberikan) dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian memberikan implikasi bahawa guru tidak patut membebankan pelajar dengan jumlah kerja rumah yang terlalu banyak tetapi sewajarnya memastikan kerja rumah yang diberikan dapat mengukuhkan kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah serta dikaitkan dengan matlamat serta pemahaman pelajar.

ABSTRACT : Homework is an important component in teaching and learning process. Although there are research findings showing no relationship between homework and students' academic achievement, homework is still assumed to give benefits to students and also enhance their discipline. The aims of this research were to identify relationships between homework in History, Mathematics and English and their academic achievements. Variables studied were: (1) time spent by respondents in doing homework; (2) types of homework (practice and preparation), and (3) teachers' supervision method in homework (during and after teacher assigned homework). Sample consists of 120 Form Four students from four secondary schools randomly selected. A set of questionnaire was constructed as instrument tool. Part A covers respondents' background and Part B consists of 30 items using Likert scale. Data was analyzed by using computer software *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 15.0*. The reliability of the instrument used in this study is $\alpha = 0.92$. Research findings showed a significant but weak relationship with achievement in three aspects: (1) time spent in English and Mathematic homework; (2) teachers' supervision method (during History homework given), and (3) types of homework (practice) for Mathematic. Research findings also showed no significant correlations with academic achievement in five aspects: (1) time spent in History homework; (2) types of homework (practice) for History and English; (3) types of homework

(preparation) for History, Mathematic and English; (4) teachers' supervision method (during Mathematic and English homework are given); (5) teachers' supervision method (after homework are given) in History, Mathematic and English. The research findings implied that teachers should not burden students with too much homework but to assign tasks which could enhance their thinking and problem-solving skills besides connecting to the overall goals and students' understanding.

Katakunci : *homework, academic achievement*

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, isu kerja rumah menjadi isu yang cukup hangat dalam dunia pendidikan. Isu kerja rumah mendapat perhatian daripada masyarakat kita dan masyarakat barat serta kian hangat diperdebatkan sama ada diperingkat pihak pentadbiran sekolah, guru-guru, ibu bapa malah para pelajar sendiri, malah, isu kerja rumah merupakan satu isu yang telah mendapat perhatian serius ibu bapa dan guru-guru (Hodapp dan Hodapp, 1992; Singh, 1970; Strang, 1960; Strother, 1986). Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan sama ada oleh penyelidik dari Universiti Tempatan ataupun luar negara berhubung dengan kesan pelaksanaan kerja rumah terhadap pencapaian akademik para pelajar. Terdapat kajian yang cenderung untuk mencadangkan bahawa kerja rumah yang dilaksanakan dengan konsisten dan teratur dapat menyumbang kepada perkembangan kognitif dan emosi pelajar (Cooper, 1984, 1989; Featherstone, 1985).

Sungguhpun terbukti bahawa pelaksanaan kerja rumah memberikan kesan positif kepada pelajar, namun bagaimana pula dengan dakwaan bahawa kerja rumah adalah bebanan yang hanya mengganggu kualiti masa pelajar bersama keluarga dan seolah-olah pihak guru menafikan hak sosial para pelajar seperti beriadah, menonton televisyen dan keluar bersama rakan-rakan? Bagi pelajar yang terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan pada waktu petang, kerja rumah tidak lebih hanyalah bebanan yang terpaksa dihadapi oleh mereka pada waktu malam. Namun walau apa sekalipun alasan, kajian untuk mengenal pasti hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar perlu dijalankan memandangkan terdapat kepelbagaian pendapat yang positif dan negatif berhubung nilai kerja rumah.

PERNYATAAN MASALAH

Hasil daripada pembacaan penyelidik ke atas kajian-kajian yang telah dijalankan sama ada di luar negara ataupun di universiti tempatan, penyelidik mendapati bahawa terdapat ketidaksetujuan terhadap nilai kerja rumah dalam kalangan penyelidik-penyelidik. Rentetan daripada itu, adalah wajar lebih kajian dijalankan untuk mengenalpasti sejauh mana hubungan peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar. Pencapaian juga dikaitkan secara tidak langsung dengan jenis kerja rumah yang dilaksanakan, cara guru mengelolakan kerja rumah iaitu semasa dan selepas kerja rumah diberikan.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian biasa. Persoalan sejauh manakah kerja rumah memberi kesan positif kepada pencapaian akademik pelajar akan dikaji oleh penyelidik dengan membataskan skop penyelidikan kepada hubungan masa yang diperuntukkan pelajar untuk melaksanakan kerja rumah dengan pencapaian akademik, hubungan antara jenis kerja rumah iaitu sama ada latihan ataupun persediaan dengan pencapaian akademik pelajar dan yang terakhir hubungan antara cara pengelolaan guru iaitu semasa dan selepas kerja rumah diberikan dengan pencapaian akademik pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Hubungan antara peruntukan masa dalam melaksanakan kerja rumah dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.
2. Hubungan antara kerja rumah jenis latihan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.
3. Hubungan antara kerja rumah jenis persediaan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.
4. Hubungan antara cara pengelolaan guru dalam kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.
5. Hubungan antara cara pengelolaan guru dalam kerja rumah (selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.

KEPENTINGAN KAJIAN

Pelajar : Dapatan kajian ini akan memberikan implikasi positif kepada pelajar. Setelah mengenal pasti dan memahami hubungan antara pelaksanaan kerja rumah dengan pencapaian akademik, pelajar secara tidak langsung akan lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan pencapaian akademik mereka melalui usaha menyempurnakan kerja rumah, secara tidak langsung pelajar akan mempelajari dan meningkatkan kemahiran menguruskan masa antara kerja rumah dan aktiviti sosial mereka.

Guru : Walau bagaimanapun, kajian mengenai persepsi guru terhadap kerja rumah iaitu sama ada guru melaksanakan kerja rumah ataupun memeriksa buku kerja rumah pelajar adalah amat terhad dan boleh dikatakan hampir tiada kajian yang dilakukan tentang implikasi persepsi guru terhadap kerja rumah dengan pencapaian akademik para pelajar.

Pihak Pengurusan Sekolah : Dapatan kajian ini secara langsung dapat membantu pihak pengurusan sekolah dalam menentukan polisi sekolah yang bermanfaat untuk kepentingan akademik pelajar. Pihak pengurusan sekolah yang efisien seharusnya menyeragamkan polisi sekolah berkenaan pelaksanaan kerja rumah contohnya menghadkan jumlah kerja rumah yang boleh diberikan guru kepada pelajar agar kerja rumah tidak terlalu banyak sehingga membebankan pelajar.

Kementerian Pelajaran Malaysia : Hasil kajian ini iaitu mengkaji sejauh manakah pelaksanaan kerja rumah dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar sekolah menengah harian biasa bakal menjadi sumber rujukan penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia pada masa akan datang.

Ibu Bapa : Diharapkan melalui kajian yang dilaksanakan ini dapat membantu ibu bapa memahami keperluan sosial anak-anak mereka. Sewajarnya ibu bapa yang prihatin membantu anak-anak dalam menguruskan masa antara kerja rumah dan aktiviti sosial anak-anak seperti meluangkan masa bersama keluarga.

SKOP KAJIAN

Skop kajian yang dijalankan oleh penyelidik ialah seperti berikut :

- i. Hubungan antara masa yang diperuntukkan pelajar untuk melaksanakan kerja rumah dengan pencapaian akademik.
- ii. Hubungan antara jenis kerja rumah latihan dengan pencapaian akademik.
- iii. Hubungan antara jenis kerja rumah persediaan dengan pencapaian akademik.

- iv. Hubungan antara cara pengelolaan guru semasa kerja rumah diberikan dengan pencapaian akademik.
- v. Hubungan antara cara pengelolaan guru selepas kerja rumah diberikan dengan pencapaian akademik.

KERANGKA KONSEP KAJIAN




Figure 1 : Kerangka Konsep Kajian

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah deskriptif yang dilakukan dengan soal selidik. Kajian berbentuk deskriptif bertujuan untuk mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi. Kajian deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan keadaan atau hubungan, pendapat pada proses yang berlaku, keberkesanan dan corak yang dibangunkan (Best dan Kahn, 1998). Oleh sebab itu, reka bentuk ini dipilih kerana amat sesuai untuk mendapatkan

maklumat tentang pemboleh ubah yang hendak dikaji dan menjelaskan permasalahan secara kuantitatif.

Dalam kajian ini, statistik korelasi digunakan bagi menentukan hubungan antara peruntukan masa, jenis (latihan dan persediaan), cara pengelolaan guru iaitu semasa dan selepas kerja rumah diberikan dengan pencapaian akademik pelajar dalam ketiga-tiga mata pelajaran yang dikaji iaitu Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji hubungan antara peruntukan masa, jenis kerja rumah iaitu sama ada jenis latihan atau persediaan dan cara pengelolaan guru iaitu semasa dan selepas kerja rumah diberikan kepada pelajar dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan empat sekolah menengah harian biasa dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Selain itu, penyelidik akan memilih responden dengan pendapatan keluarga kurang daripada RM 1500. Hasil daripada penelitian penyelidik terhadap kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa kebanyakan dari hasil kajian lepas tidak mengambil kira faktor-faktor sampingan seperti tahap pendapatan keluarga pelajar dalam kajian mereka. Penyelidik cenderung untuk menghadkan kriteria pemilihan responden kepada pelajar dengan pendapatan keluarga kurang daripada RM 1500 kerana penyelidik berpendapat keberkesanan kerja rumah dalam meningkatkan pencapaian pelajar dapat dinilai dengan lebih telus jika responden yang terlibat ialah pelajar yang kurang berkemampuan, pelajar yang hanya menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah semata-mata, bergantung sepenuhnya pada kerja rumah yang ditugaskan guru untuk memahami apa yang telah dipelajari di sekolah dan tidak mengikuti sebarang kelas tuisyen di luar waktu sekolah untuk mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Penyelidik telah memilih daerah Pontian sebagai lokasi untuk menjalankan kajian. Pada dasarnya, kajian ini adalah meliputi semua pelajar tingkatan empat di daerah Pontian, Johor. Secara keseluruhannya, terdapat 10 mukim dalam daerah Pontian. Walaubagaimanapun, saiz sampel yang besar memerlukan kos yang tinggi dan tenaga pengkaji yang banyak. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, hanya empat buah sekolah yang dipilih untuk mewakili sekolah menengah harian biasa mengikut mukim ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tanjung yang mewakili Mukim Benut, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian yang mewakili Mukim Rimba Terjun, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat yang mewakili Mukim Pontian dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi yang mewakili Mukim Ayer Baloi.

Responden yang dipilih dari setiap sekolah adalah 30 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar perempuan dan pelajar lelaki dari kelas terbaik. Skop pemilihan responden dihadkan kepada pelajar dengan pendapatan keluarga RM 1500 dan ke bawah dan tidak mengikuti sebarang kelas tuisyen dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Maka, keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 120 orang pelajar. Pemilihan saiz sampel dalam kajian ini adalah selaras dan menepati apa yang dinyatakan oleh Altreck & Settle (1995) yang mencadangkan had bilangan sampel dipilih secara rawak 10% daripada saiz populasi kajian.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi tujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada sampel. Menurut Sulaiman (2002), soal selidik ialah kaedah yang paling mudah untuk memperoleh maklumat dan mempunyai kelebihan

berbanding dengan kaedah lain dalam usaha mendapatkan maklumat kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, menurut Kerlinger (1986), soal selidik berbentuk item tertutup dan jawapan tersedia amat baik dalam penggunaannya kerana tidak memerlukan subjek atau sampel berfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan. Secara umumnya, soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif kerana menerusi kaedah ini maklum balas daripada responden mudah diperoleh. Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A : Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang dan maklumat demografi responden iaitu jantina, bangsa, markah bagi subjek Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan pertengahan tahun tingkatan empat tahun 2008, masa yang digunakan untuk menyiapkan kerja rumah mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam seminggu, pendapatan bulanan keluarga dan penilaian sama ada pelajar menghadiri kelas tuisyen untuk mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris atau tidak.

Bahagian B : Bahagian B pula terdiri daripada 30 soalan untuk dua pemboleh ubah iaitu jenis kerja rumah (latihan, persediaan dan tambahan) dan cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) bagi mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Setiap pemboleh ubah mempunyai 15 soalan masing-masing dengan setiap item soalan adalah disusun secara rawak mengikut dua pemboleh ubah

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis merupakan satu kajian yang dijalankan sebelum set soal selidik digunakan dalam kajian sebenar bagi mendapatkan tahap kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Kajian rintis adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kejelasan dan kemudahan bahasa yang digunakan, bentuk-bentuk soalan yang dikemukakan, kefahaman terhadap soalan dan kesesuaian masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan ujian yang diberikan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999).

Seramai 20 orang pelajar telah dipilih secara rawak dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Johor Bahru sebagai responden dalam kajian rintis ini. Data yang diperoleh daripada kajian ini akan dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 15.0 for Windows* (SPSS) bagi mendapatkan kebolehpercayaan soal selidik. Menurut Suhaimi (1996), jika nilai alpha, ' α ' didapati kurang daripada 0.7, maka item dalam soal selidik adalah perlu diperbaiki untuk memastikan tidak terdapat item-item yang tidak sesuai dalam borang soal selidik.

Setelah selesai menjalankan kerja-kerja analisis data, secara keseluruhannya, nilai ' α ' bagi kajian rintis ini ialah 0.91. Oleh yang demikian, tidak terdapat item-item yang tidak sesuai yang perlu diperbaiki.

ANALISIS DATA

Berdasarkan Jadual 1, kebanyakan responden amat bersetuju guru memberikan kerja rumah berdasarkan pelajaran yang telah diajarkan dalam mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris iaitu masing-masing dengan kekerapannya 56 orang responden (46.7%), 68 orang responden (56.7%) dan 67 orang responden (55.8%). Item 2 dalam jenis latihan menunjukkan kekerapan paling tinggi adalah dalam skala amat setuju bagi mata pelajaran Sejarah dengan kekerapan 54 orang

responden (45.0%). Namun demikian, bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris, kekerapan paling tinggi iaitu masing-masing sebanyak 34 orang responden (28.3%) dan 36 orang responden (30.0%) adalah setuju.

Jadual 1 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden bagi Jenis Kerja Rumah (Latihan) bagi Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris

TABURAN		1. Guru memberikan kerja rumah bercasarkan pelajaran yang telah diajarkan.			2. Guru menyuruh saya membuat ringkasan / nota di rumah tentang pelajaran yang telah diajarkan.			3. Guru menyuruh saya mengulang kaji di rumah tentang nota yang diberikan.			4. Guru menyuruh saya membuat kerja rumah dengan menyalin semula nota yang telah diberikan semasa pengajaran.			5. Guru memberikan latihan untuk diselesaikan di rumah dengan menggunakan pengetahuan dan / atau kemahiran yang telah diajarkan.		
		Sej	Mat	BI	Sej	Mat	BI	Sej	Mat	BI	Sej	Mat	BI	Sej	Mat	BI
Sangat Tidak Setuju	Kekerapan	10	8	3	7	20	24	3	14	15	19	22	20	3	8	8
	Peratus (%)	8.3	6.7	2.5	5.8	16.7	20.0	2.5	11.7	12.5	15.8	18.3	16.7	2.5	6.7	6.7
Tidak Setuju	Kekerapan	12	4	13	8	25	13	6	6	10	11	15	16	10	2	8
	Peratus (%)	10.0	3.3	10.8	6.7	20.8	10.8	5.0	5.0	8.3	9.2	12.5	13.3	8.3	1.7	6.7
Tidak Pasti	Kekerapan	10	8	10	10	16	17	9	14	10	21	23	15	12	12	12
	Peratus (%)	8.3	6.7	8.3	8.3	13.3	14.2	7.5	11.7	8.3	17.5	19.2	12.5	10.0	10.0	10.0
Setuju	Kekerapan	32	32	27	41	34	36	34	35	35	35	31	40	39	41	32
	Peratus (%)	26.7	26.7	22.5	34.2	28.3	30.0	28.3	29.2	29.2	29.2	25.8	33.3	32.5	34.2	26.7
Amat Setuju	Kekerapan	56	68	67	54	25	30	68	51	50	34	29	29	56	57	60
	Peratus (%)	46.7	56.7	55.8	45.0	20.8	25.0	56.7	42.5	41.7	28.3	24.2	24.2	46.7	47.5	50.0

Item 3 dalam jenis latihan iaitu guru menyuruh mengulang kaji di rumah tentang nota yang diberikan adalah amat disetujui oleh responden dalam ketiga-tiga mata pelajaran iaitu Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Kekerapan dan peratusan masing-masing ialah 68 orang responden (56.7%), 51 orang responden (42.5%) dan 50 orang responden (41.7%). Kebanyakan responden adalah setuju item 4 jenis latihan iaitu guru menyuruh membuat kerja rumah dengan menyalin semula nota yang telah diberikan semasa pengajaran bagi mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris masing-masing dengan kekerapannya 35 orang responden (29.2%), 31 orang responden (25.8%) dan 40 orang responden (33.3%).

Hasil analisis menunjukkan kebanyakan responden amat bersetuju item 5 iaitu guru memberikan latihan untuk diselesaikan di rumah dengan menggunakan pengetahuan dan / atau kemahiran yang telah diajarkan dalam ketiga-tiga mata pelajaran iaitu Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Kekerapan dan peratusan masing-masing ialah 56 orang responden (46.7%), 57 orang responden (47.5%) dan 60 orang responden (50.0%).

PERBINCANGAN

Berdasarkan penganalisan data yang telah dilakukan, secara keseluruhannya didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa menyiapkan kerja rumah Sejarah dengan pencapaian Sejarah memandangkan indeks korelasinya yang rendah iaitu 0.125. Keputusan ini adalah selaras dengan dapatan kajian luar negara oleh National Commission on Time and Learning pada tahun 1993 yang telah menyatakan bahawa peruntukan masa yang banyak dalam kerja rumah tidak semestinya menjamin implikasi positif terhadap pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini

lebih menekankan bahawa pencapaian pelajar adalah berkadar langsung dengan jenis sekolah disamping peruntukan masa dalam kerja rumah.

Selain itu, persoalan mengapakah peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar telah dijelaskan berdasarkan dapatan kajian oleh De Jong et al. (2000) yang menyatakan bahawa tempoh peruntukan masa oleh pelajar untuk menyiapkan kerja sekolah adalah dipengaruhi oleh pengetahuan sedia ada mereka. Pelajar yang memiliki pengetahuan sedia ada yang kukuh dalam sesuatu topik akan memperuntukkan masa yang sedikit dalam kerja rumah mereka. Didapati dapatan kajian ini turut menyokong kajian dalam luar negara iaitu tiada hubungan antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian akademik pelajar.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis latihan Sejarah dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian masing-masing. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis persediaan dalam ketiga-tiga mata pelajaran iaitu Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris, dengan pencapaian masing-masing. Dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang telah dilakukan oleh Foyle (1985) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian antara kumpulan yang diberi kerja rumah jenis persediaan dengan kumpulan yang diberi kerja rumah jenis latihan.

Hasil analisis turut membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jenis latihan Matematik dengan pencapaian Matematik. Walaubagaimanapun, hubungan ini adalah lemah dan songsang, iaitu semakin minimum pemberian kerja rumah jenis latihan Matematik, semakin maksimum peningkatan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini telah menyokong pandangan yang menyatakan bahawa kajian yang membandingkan pelbagai jenis kerja rumah terhadap pencapaian akademik adalah kurang menyeluruh. Kerja rumah jenis latihan dan jenis persediaan selalunya dikaji secara bebas. Contohnya, lapan kajian termasuk kajian terhadap jenis latihan dan jenis persediaan dalam meta analisis Cooper (1989b), hanya dua kajian sahaja yang menentukan kesan dalam kedua-dua jenis. Kajian terhadap jenis latihan dan jenis persediaan dalam meta analisis Cooper (1989b) memaparkan tiada keputusan yang meyakinkan berkaitan dengan perbandingan antara dua jenis kerja rumah tersebut dengan pencapaian. Walaubagaimanapun, Cooper menyimpulkan bahawa “berkaitan dengan pencapaian, semua lapan kajian mendapati bahawa kerja rumah yang melibatkan persediaan untuk bahan baru atau latihan untuk bahan yang telah diajarkan menyebabkan skor yang tinggi dalam peperiksaan berbanding dengan mereka yang hanya melaksanakan *current content homework*”.

Berdasarkan analisa terhadap dapatan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Sejarah diberikan) dengan pencapaian Sejarah. Hal ini adalah kerana, dalam konteks kajian ini, contoh cara pengelolaan guru semasa kerja rumah diberikan adalah seperti semasa guru memberikan kerja rumah kepada pelajar, guru seharusnya memberi arahan yang jelas kepada pelajar seperti bagaimana kerja rumah harus dilaksanakan, bertujuan agar pelajar tidak miskonsepsi dengan kerja rumah yang diberikan (Woolfolk, 2007).

Namun demikian, hasil analisis turut membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Matematik diberikan) dengan pencapaian Matematik dan cara pengelolaan guru (semasa kerja rumah Bahasa Inggeris diberikan) dengan pencapaian Bahasa Inggeris. Disamping itu, rumusan yang turut dapat dibuat berdasarkan dapatan kajian ini adalah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (selepas kerja

rumah diberikan) dengan pencapaian dalam ketiga-tiga mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian oleh De Jong R, Westerhof K.J, Creemers B.P. (2000) telah menyokong dapatan kajian ini iaitu penyemakan dan pemberian gred dalam kerja rumah adalah tidak berkaitan dengan pencapaian pelajar.

RUJUKAN

- Atan Long (1980). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya et. Al (2007). Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Butler, J.A (1987). Homework. Portland, OR: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Cooper, H (1989b). Synthesis of research on homework. *Educational Leadership*, 47(3), 85-91.
- Cooper, H (1994). Homework Research and Policy (CAREI): A Review Of The Literature. *Journal of Psychology*, 2(2)
- Cooper, H., Jackson, K., Nye, B., and Lindsay, J. (2001c). A Model of Homework's Influence on the Performance Evaluations of Elementary School Students, *Journal of Experimental Education*, 69(2), 143-154.
- Chong Y. L (1990). Pupils and Teachers View on Mathematics. *Jurnal Pendidikan* 8, 1-13
- De Jong, R., Westerhof, K., & Creemers, B. (2000). Homework and Student Math Achievement in Junior High Schools, *Educational Research and Evaluation*, 6(2), 130-157.
- Donnell, O., Reeve, A.M., Smith, J.J (2007). *Educational Psychology: Reflection for Action*. United States. John Willey & Sons, Inc.
- Don't Let Pupils Suffer Homework. (3.3.1992). *New Straits Times*
- Epstein, J. L. & Van Voorhis, F.L (1996). More than minutes: teachers' role in designing homework. *Educational Psychologist*, 36(3), 181-193
- Gerald K. LeTendre & Motoko Akiba. "A Nation Spins its Wheels: The Role of Homework and National Homework Policies in National Student Achievement Levels in Math and Science," 2007. Mean scores ranged from 266 to 605.
- Hui. F.G & Ling (1982). C.P Issues & Implications of After School Activities of Adolescent boys in Secondary School in Petaling Jaya. *Kertas Persidangan Nasional Mengenai Kaum Remaja di Malaysia*.
- Jan de Lange (1999). *Framework for Classroom Assessment in Mathematics*. Freudenthal Institute.
- John J. Shaughnessy, Eugene B. Zechmeister, Jeanne S. Zechmeister. (2006). *Research Methods in Psychology*. America: McGraw- Hill Companies.
- Murphy, J., & Decker, K. (1989). Teachers' use of homework in high schools. *Journal of Educational Research*, 82(5), 261-269.
- "New study finds homework is a hassle. (Homework Realities: A Canadian Study of Parental Opinions and Attitudes)(Brief article)." *Reading Today* 25.5 (April-May 2008): 36(1). Academic One File. Gale. Universiti Teknologi Malaysia.
- Universiti Teknologi Malaysia (2002). *Panduan Menulis Tesis Universiti Teknologi Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Walberg, H. J. (1999). Productive Teaching. In H. C. Waxman & H. J. Walber (Eds.), *New directions for teaching practice research* (pp. 75-104). Berkeley, CA: McCutchen.
- Woolfolk, A. (2007). *Educational Psychology* (10th edition). United Kingdom: Boston.